

PELITA BRUNEI



DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN
KERAJAAN BRUNEI
DUA KALI SABULAN

15 February, 1958

hun 3 No. 1

DETIK-DETIK PERSIDANGAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI

AGAK hangat dan hebat juga telah di-perbinchangkan dalam Majlis Mashuarat Negeri atas beberapa perkara yang mustahak yang berlangsung belum lama dahulu. Antara lain yang telah dibawa ke-dalam sidang ia-lah usul2 baru dan ada juga mengulang yang lama yang sudah mendapat persetujuan, tetapi belum di-peraktik-kan, mithalnya tentang pemadaman api di-Kampong Ayer.

Nalayan2 Brunei di-beri Sokongan

Apabila satu usul supaya towky2 dapat memasukkan ikan2 dari luar negeri di-kemukakan, dan satelah menjadi satu perbin-changan hangat yang mengambil masa panjang juga kesimpulan telah di-dapat bahawa usul itu ada-lah tidak mendapat sokongan sabut suara dan dengan yang demikian sidang beraleh kapada memikirkan so'al membanyakkan ikan di-pasaran.

Telah di-ambil keputusan pula ia-itu kaum2 nalayan Brunei mesti-lah mendapat sokongan dari pehak Keraja'an guna menggalakkan perusahaan2 nalayan supaya memuaskan dan bertambah pulalah giatnya berusaha membanyakkan ikan dengan tidak payah berkehendakkan permasokkan ikan dari luar negeri.

Pemadam Api di-Kampong Ayer

Sabagaimana keputusan mahuarat terdahulu dari ini telah di-persetujui supaya di-beli alat2 perlengkapan pemadam api di-Kampong Ayer dan juga menyediakan perbelanja'an2 guna menyelenggarakan tujuan tersebut.

Perkara ini di-hadapkan samula oleh Yang Berhormat Pengeran Mohd. Yusuf, di-sebabkan bokti-nya belum ada.

Menjawab ini Tuan Yang Berhormat British Resident menyatakan bahawa mengenai ini ia-nya telahpun menjemput Yang Berhormat Che'gu Marsal (sa-orang anggota Majlis Mashuarat Negeri) merundingkan berkenaan dengan satu lapuran dari Jabatan Kerja raya berhubung dengan so'al memperlengkapkan Kampong Ayer itu dengan kapala2 paip.

- bersambong di-muka 4 -

KELUAR MASOK DALAM TAHUN 1957

Keramaian orang2 masok ke Brunei dalam tahun 1957 adalah jauh lebeh banyak dari tahun 1956. Lebeh dua ribu orang tambahan pendatang dalam tahun 1957 dari dalam tahun 1956.

Dalam tahun 1957 42,124 orang telah di-kira masok ke Brunei, manakala dalam tahun 1956 hanya berbilang 38,924 orang.

Ramai orang2 keluar dari negeri Brunei dalam tahun 1957 adalah 41,061 orang dan dalam tahun 1956 36,037 orang.

Dari bilangan orang2 yang keluar masok negeri Brunei itu baik dalam tahun 1957 maupun dalam tahun 1956, bilangan yang terbanyak sakali adalah dari bangsa China.

20,545 orang China telah masok dan 20,104 orang China telah keluar ke dan dari Brunei dalam tahun 1957.

- -oo O oo- -

TIGER CUP UNTOK PASOKAN 6 ORANG BOLA SEPAK

Tidak berapa lama lagi akan di-adakan perlawanan bola sepak 6 orang sa-pasukan kerana merebut piala "Tiger Cup". Perlawanan2 itu akan bertempat di padang SOAS College, Brunei.

Pada tahun lalu pasukan Sharikat2 Perniaga'an telah merebut piala tersebut.

Brunei Town Ameteur Football Association ia-itu persekutuan yang menganjorkan perlawanan tersebut, berharap segala jabatan2, persekutuan2 dan sekolah2 akan dapat mengambil bahagian sakurang2 dari satu2-nya satu pasukan dalam perlawanan bola sepak tersebut.

Tiap2 pasukan yang akan memasuki perlawanan ini akan dipileh dan pemilehan yang pertama akan mengambil tempat pada petang hari Thalatha 25hbl. Feb., yang kedua pada petang Juma'at 28hbl. Feb. dan pemilihan ketiga dan terakhir pada petang Sabtu 1 hbl. March, 1958.

Di-ma'lumkan kapada pasukan2 yang mengambil bahagian dalam perlawanan bola sepak 6 orang ini ia-itu peratoran2 yang menge-nai-nya ada-lah sama saperti yang tahun lalu, hanya tiap2 perlawanan pada tahun ini akan mengambil masa selama 15 minit: 7 minit pada tiap2 saphor permainan dan 1 minit masa untuk berhat.

Pasukan yang tidak hadzir pada masa-nya di-kehendaki ditetapkan di-kira kalah dan juga pehak yang berkena'an atau yang bertanggong jawab tentang perlawanan ini tidak akan membuang masa menunggu ketiba'an mana-mana pasukan yang terjadual masok bertanding. Tegas-nya pasukan2 hendak-lah datang ke-padang mene-pati masa yang telah di-tetapkan.

GAMBAR ATAS:

DYMM Sultan (tengah) kelehatan sedang bercherita2 dengan Principal College itu, Mr. L.A. Bradshaw (kanan) dan Dr Robin Formador sa-orang guru di-College itu.

GAMBAR TENGAH:


Kelehatan DYMM Sultan sedang ashik memerhatikan sa-orang penuntut sedang membuat satu experiment dengan menggunakan perkakas2 science.

GAMBAR BAWAH:

Pemandangan dalam sa-buah bilek science di-Sultan Omar Ali Saifuddin (SOAS) College Brunei.

Penuntut2 kelehatan bergiat menunjukkan beberapa experiment sedang DYMM Sultan dan Yang Berhormat Tuan British Resident (di-sela-sela telukan) sajat memerhatikan-nya.

- Gambar GBIS -



- sambongan dari muka 1 -

Che'gu Marsal berasa puas hati atas lapuran dari pehak Jabatan Kerjaraya itu, tetapi Resident berasa kesal sadikit di-sebabkan tidak membawa perkara ini ka-persidangan buat menerangkan-nya.

Brunei Sudah patut mempunyai Askar Melayu

Masa-nya telah tiba buat Brunei mengadakan askar2-nya sendiri. Demikian pendapat Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei.

Askar2 tersebut ada-lah akan terdiri dari anak2 Brunei dan dari Pegawai2 yang berpengalaman di-datangkan dari Persekutuan Tanah Melayu untuk membembing-nya.

Pegawai2 dari Malaya akan di-jemput untuk memberikan nasihat2-nya mengenai ini.

Pemasukan Orang2 China

Majlis Mashuarat Negeri telah di-tanya kalau2 perubahan atas dasar yang berjalan sekarang perlu di-ubah.

Perkara ini berbangkit menjadi perbinchangan yang panjang lebar dan mengambil kesimpulan bahawa dasar yang sedia itu tidak akan di-ganjak2 atau di-buat apa2 pindahan.

Mengenai kebenaran yang telah di-berikan kepada Sharikat Chun Yip untuk memasukkan 20 orang pekebun2 sayor China dari Hongkong, Sharikat tersebut menyatakan bahawa masa mereka di-benarkan tinggal di-Brunei ada baiknya jika di-ganjakkan.

Sidang bersetuju menggantikan masa 2 tahun itu dengan sharat:

- a) sabelum meninggalkan Hongkong mereka mesti-lah disiasat atas keamanan negeri.
- b) mereka mesti mempunyai surat akuan sah, boleh balek ka-Hongkong.
- c) kemudian hari sekira-nya mereka itu di-dapati tidak di-ingini Brunei di-sebabkan sasuatu, sharikat itu mesti-lah bertanggong jawab mengembalikan mereka ka-Hongkong dengan segera.

* Memindah Power Station



Sabagaimana telah di-chadangkan ia-itu pemindahan Power Station dari tempat-nya yang ada sekarang ada-lah di-batu $1\frac{1}{2}$, Brunei di-Jalan Tutong. Tetapi tempat ini di-dapati tidak sesuai.

Telah di-chadangkan pula ia-itu Keraja'an ada mempunyai tanah di-Berakas dan di-Gadong dan salah satu tempat ini boleh untuk menempatkan Power Station.

Majlis Mashuarat Negeri mengambil kesimpulan bahawa tempat2 tersebut boleh jadi sesuai, dan buat sementara waktu pehak yang berkuasa mesti-lah menyiasat-nya kalau2 ada tempat yang lebeh baik.

Dalam persidangan ini juga Majlis bersetuju melantek Tuan J. McP. Adams sebagai Deputy Legal Adviser Brunei menggantikan tempat Tuan D.B. McGilligan.

RANCHANGAN PERKEMBANGAN DALAM NEGERI MASEH BERJALAN



GAMBAR ATAS: Sa-buah jambatan yang terbaharu yang maseh dalam pembinaan, menyeberangi Sungai Tutong di-Kampong Sengkarai kira2 satu batu dari Pekan Tutong. Jambatan ini ia-lah salah sa-buah jambatan yang terbesar dalam Brunei.

GAMBAR BAWAH: Bukit2 pesti di-putong dan di-lalui kerana membentuk sa-buah jalan raya yang terator dan semporna. Dalam gambar ini kelehatan sabahagian dari jalan raya Brunei-Tutong yang melalui sa-buah bukit di-batu 14.

=====GAMBAR2 MESJID=====

" SABELUM PERANG DI-

" KEHENDAKI

" Jabatan Penerangan "

" Keraja'an Brunei meng-

" hendaki gambar2 Mesjid "

" di-Bandar Brunei sabe-

" lum perang II atau gam-

" bar2 yang bersangkutan "

" dengan-nya.

"

" Sasiapa ada menaroh "

" atau mempunyai gambar2 "

" tersebut ada-lah di-pow-

" honkan dengan hormat "

" meminjamkan-nya atau "

" menjual-nya kapada Ja-

" batan Penerangan Kera-

" ja'an Brunei dengan "

" harga yang berpatutan."

" Perhubungan yang "

" mengenai ini dapat di-

" buat terus kapada Pe-

" gawai Penerangan Kera-

" ja'an Brunei, bertem-

" pat di-Jalan Robert,

" Brunei.

"

"-----"

PENSHARAH MELAWAT DAN MEMBERI
SHARAHAN BERDASARKAN PENGALAMAN

Tuan H. Bedale O.B.E., sa-orang pensharah yang terkenal terutama dalam hal mengenai Keraja'an tempatan akan melawat ka-Brunei, dan di-jangka akan tiba di-Kuala Belait, Brunei dari Miri, Sarawak pada 20hbl. February akan datang ini. Dari Belait beliau akan memakai jalan darat ka-Brunei pada kaesokan hari-nya.

Dalam masa berada di-Brunei, beliau akan berkesempatan menghadap Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Istana Darul-Hana pada pagi 22hbl. February, dengan di-iringi oleh Pegawai Penerangan Negeri, Brunei, Yang Berhormat Pengerahan Mohd. Yusuf. Sasudah itu beliau akan menemui Tuan Yang Berhormat British Resident, J.O. Gilbert di-Pejabat-nya.

Pada petang-nya pula beliau akan memberi sharahan dalam hal ehwal Keraja'an Tempatan bertempat di-Panggong Hassan-al Bolkiah di-Bandar Brunei. Beliau akan bersharah dalam bahasa Inggeris dan akan di-terjemahkan kadalam bahasa Melayu.

Memandang betapa perlu-nya bagi kita tajok sharahan yang akan diberikan oleh tuan Bedale itu yang ia-nya sa-orang pensharah yang terkena dan mempunyai pengalaman

yang luas, maka ada lebih baik dan amat berfaedah bagi kita mendengarkan-nya. Ini ada-lah satu panduan yang ke-emasan bagi melancarkan pentadbiran negeri.

Tuan Bedale, selepas bersharah, pada hari itu juga akan akan berangkat ka-Limbang, Sarawak meneruskan lawatan-nya.

---o o o O o o o---

T E R I M A K A S E H M E M G I L B E R T

Pehak Jabatan Penerangan Keraja'an Brunei, atas nama Kutub Khanah Awam, menguchapkan satinggi terima kaseh kepada Mem Tuan J.O. Gilbert atas murah hati beliau menghadiahkan 3 buah buku untuk bacha'an orang ramai.

Buku2 itu ia-lah: 'Skin and Bones', 'Storm and Echo' dan 'The Foolish Gentlewomen'.

Kita berharap saterus-nya kapada yang ingin memberikan hadiah buku2 tidak akan segan2, dan dengan jalan ini maka samakin bertambah lagi banyak bilangan buku2 bacha'an ramai di-Kutub Khanah Awam, di-Jabatan Penerangan Keraja'an Brunei.

➤ SAMBUTAN SULTAN DI-SERIA DAN DI-BELAIT AMAT MERIAH

Sudah lebeh tiga bulan Tuanku berada di-Brunei salepas melawat ka-England dan Benua Eropah, sambutan2 sachara besar2-an sejak itu maseh belum lagi habis. Baharu2 ini Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah melangsongkan satu lawatan Baginda yang rasmi ka-Seria dan Belait. Di-tempat2 itu Baginda telah di-sambut dengan chukup meriah dan penoh dengan adat iati-adat yang terator.

Sudah empat tempat2 Tuanku telah lawati sejak ketiba'an Baginda dari berada di-luar negeri sadikit bulan dahulu dan di-tempat2 itu Baginda telah memberikan titah2 berupa tatapan dan nasehat, tidak jemu2 Baginda menerangkan dan menanam semangat menuju kearah kemajuan dan kesentosa'an itu ada-lah terletak dari kerjasama dari sogenap lapisan rakyat Baginda samata2 dan juga pendudok2 di-Negeri Brunei ini.

Titah Baginda yang panjang lebar yang telah Baginda la-padzkañ di-Kuala Belait tempoh hari, tidak kurang-nya sabagai satu suloh rakyat dalam kegelapan, alat hidup menempoh kemajuan dan pandu menuju dan menchapai segala kebahagian.

Tiba saja Baginda di-Anduki dengan kapal terbang dari Brunei pada 9hbl. February yang lalu, Baginda telah di-arak dan di-iringi oleh pasokan2 hadzrah sahingga ka-Seria dan Kuala Belait. Pintu2 gerbang yang telah di-dirikan khas merai-kan ketiba'an Baginda, telah di-lalui. Budak2 sekolah dengan masing2 mempunyai bendera Brunei mengibar2kan bendera2 itu dengan muka yang manis dan girang. Suasana di-wasa itu amat penoh meriah, dengan di-lengkapi oleh perhiasan yang chantek2.

Pada malam hari-nya pula berbagai2 keramaian telah di-pertunjokkan. Permainan bola sepak juga di-adakan malam itu.

Ramai ma'nusia menyambut Baginda waktu itu tidak kurang dari 10,000, terdiri dari segala bangsa dan ugama.

Itu-lah kali yang pertama Baginda melawat ka-Seria dan Kuala Belait sejak tiña-nya Baginda dari luar negeri tempoh hari.

➤ SULTAN MELAWAT SENGKURONG, BRUNEI

Pada 7hbl. February yang lalu DYMM Maulana Al-Sultan telah juga melawat di-Kampong Sengkurong, Brunei

Dalam lawatan Baginda itu, Penghulu Haji Saman, atas nama pendudok2 di-Sengkurong telah memberi uchapan keshuku-ran atas sudi-nya Baginda berkunjung berchemar diri. Penghulu melanjutkan kata yang ia-nya dan anak2 buah di-sana amat rindu akan melehat wajah Baginda dan berharap dalam lawatan Baginda itu Baginda akan memberikan nasehat2 dan tidak kurang-nya pula panduan rakyat menuju kearah kemajuan dan ketenteraan.

Penghulu saterus-nya mendo'akan Baginda dan Raja Isteri serta putera puteri Baginda semoga sentiasa di-dalam sehat wal-'afiat.

SEGALA PERNIAGA'AN DAN PERUSAHA'AN MESTI-LAH DI-DAFTARKAN TIDAK
LEWAT DARI 30 HARI

Menjelang 1 hbl. March ini nanti segala perniaga'an dan perusahaan mesti-lah di-registerkan atau di-daftarkan tidak lewat dari 30 hari sasudah 1 hbl. March.

Ini ada-lah keputusan yang di-ambil oleh Majlis Mashuarat Negeri yang telah berlangsung baharu2 ini.

Perniaga'an atau perusahaan tersebut ia-lah jika ia-nya memakai nama yang terlebat dalam peratoran mesti di-daftarkan.

Ini pula mesti-lah di-daftarkan sabelum perusahaan atau perniaga'an itu di-mulakan.

Pembayaran pendaftaran sa-banyak \$5.00 mesti-lah di-tunaikan dan kira-nya terlewat dari tarikh yang di-maksudkan pembayaran sabanya: \$10.00 ada-lah mesti di-buat.

yang berkuasa salewat2-nya dalam tempoh satu bulan salepas berhenti-nya perusahaan atau perniaga'an itu.

Terdaftar-nya perusahaan atau perniaga'an itu kira-nya ada sabarang pinda'an mongkin di-lakukan maka pehak yang bertanggong jawab hanya di-kehendaki memberi tahu pendaf-tar, dengan menggunakan sa-buah borang yang khas buat-nya dalam tempoh 14 hari salepas berlaku-nya pinda'an tersebut.

Sakira-nya perniaga'an atau perusahaan itu di-tutup di-sebabkan sasuatu maka mesti-lah juga di-beri tahu kapada-

0 0 0 0 0 0 0 0 0 0 0 0

MA'LUMAN KAPADA ORANG RAMAI

1. Orang ramai ada-lah di-beritahu bahawa pada masa hadapan segala permohonan hendak tinggal di-Rest House di-Kuala Belait yang di-punyai oleh Keraja'an hendak-lah di-alamatkan terus kepada Setia Usaha Municipal, di-Municipal Office, Kuala Belait.
2. Orang ramai juga di-beri tahu bahawa menggunakan ayer paip hendakolah berjimat chermat di-sebabkan ayer di-Tasek sana tidak begitu banyak.

Hingga di-beri tahu nanti ayer dari paip tuan2 ada-lah akan di-tutup mulai jam 10 malam hingga 6.00 pagi pada tiap2 hari.